

Projek MRT antara sebab utama?

Kontraktor didakwa tak dapat selenggara tapak pembinaan dengan baik, besi cerucuk tutup saluran longkang

SIRI 1

Masalah banjir kilat di negeri ini tidak boleh dipisahkan, terutama di kawasan tumpuan pembangunan dan kawasan tiada infrastruktur sempurna. Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mempunyai banyak lokasi mudah mengalami banjir kilat. Ikuti Fokus Khas *Sinar Harian* yang mengupas mengapa isu ini berterusan dan lokasi yang sering berhadapan dengan masalah ini.

KEJADIAN banjir kilat di sesetengah kawasan sering dikaitkan dengan kuantiti hujan luar biasa selain sistem perparitan yang tidak sempurna.

Namun di Jalan 3, Kampung Baru Batu 11, Balakong, lain pula kisahnya apabila kejadian banjir dilaporkan kerap berlaku selepas kerja-kerja pembinaan landasan Mass Rapid Transit (MRT) dimulakan di sekitar kampung itu.

Adun Balakong, Eddie Ng Tien Chee berkata, kegagalan kontraktor MRT mengendali dan menyelenggarakan tapak pembinaan sistem transit dengan baik didakwa



Penduduk di Kampung Baru, Batu 11 gusar kediaman mereka sering dilanda banjir kilat.

menjadi punca beberapa unit rumah berdekatan kerap ditenggelami air apabila hujan lebat.

Katanya, kampung tersebut sering dinaiki air kerana terletak hampir dengan tapak pembinaan landasan.

Puncanya disebabkan oleh long-

kang yang mengalir air dari keseluruhan kampung ke Sungai Langat tersumbat akibat ditimbus tanah dan besi cerucuk di tapak pembinaan landasan MRT.

Bagaimanapun selepas masalah diutarakan, pihak kontraktor baru-



Tiada pengendalian sempurna di tapak pembinaan MRT sebelum ini didakwa menjadi punca banjir berlaku di Jalan 3, Kampung Baru Batu 11.

baru ini mengalihkan besi cerucuk yang menutup saluran longkang dan mengorek satu longkang tanah untuk membolehkan air mengalir sempurna.

"Sejak beberapa hari ini kita dapati tiada lagi banjir berlaku di kawasan

tersebut bila hujan lebat," katanya.

Bagi masalah yang sering berlaku di Taman Indah, Batu 11 sejak 10 tahun lalu, ia dijangka dapat diatasi selepas beberapa projek mitigasi banjir dilaksanakan Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ).

Katanya, kerajaan negeri sudah meluluskan pinjaman untuk MPKJ menjalankan projek dan proses pemilihan tender dijangka dapat dilakukan bulan depan.

Eddie Ng memberitahu MPKJ melalui perunding dilantik ada membuat kajian dan perancangan berhubung isu itu pada tahun 2009 namun ia didakwa tidak menyeluruh sebelum dikaji semula, dua tahun lalu.

Projek dicadangkan memerlukan kos hampir RM2 juta.

Antara cadangan diutarakan termasuk penambahan 'culvert' di jalan besar, pembinaan kolam tadahan dan menaik taraf longkang sedia ada.

Reka bentuk sistem perparitan sedia ada katanya tidak lagi sesuai, ada yang tidak bersambung dan sebahagian besar lebih tinggi dari permukaan jalan.

"Saya harap sangat projek mitigasi dapat dilaksanakan segera supaya penduduk tidak terus dibelenggu masalah ini lagi," katanya.